

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]
TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah syarat dalam permohonan lesen bagi kelas (B penuh) untuk memastikan penunggang mampu mengendalikan motosikal berkuasa tinggi demi keselamatan semua pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) sentiasa menyemak secara berterusan syarat-syarat permohonan lesen terhadap semua jenis Kelas Lesen termasuklah Kelas Lesen B (penuh). Hal ini bagi memastikan pemegang lesen terlibat mempunyai kompetensi dan kemahiran pengendalian kenderaan motor di dalam sesuatu Kelas Lesen berkaitan demi keselamatan semua pengguna jalan raya secara keseluruhannya.

2. Berdasarkan semakan terkini, syarat dalam permohonan lesen bagi kelas (B penuh) adalah memadai seperti yang ditetapkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan sentiasa menyemak dan menambah baik kaedah-kaedah berkaitan pengangkutan jalan dari masa ke semasa bagi memastikan keselamatan jalan raya berada pada tahap yang tinggi.

Sekian, terima kasih.